

18 JAN 2004

Islam-Resipi

UMAT ISLAM BOLEH MAJU JIKA BEBASKAN HALANGAN PEMIKIRAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Negara Islam boleh maju dan setanding dengan negara bukan Islam lain yang maju jika mereka membebaskan "halangan pemikiran" bagi membolehkan mereka bangkit dan mengejar yang lain, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata sebelum ini negara Islam tidak maju kerana tentangan oleh kuasa-kuasa tidak bijak dalam masyarakat.

"Mereka seperti pelari yang mempunyai peluru meriam terikat di kaki dan cuba bersaing dengan mereka yang tidak membawa bebanan. Mereka hanya boleh bergerak sedikit daripada titik mula dan akan ketinggalan," katanya pada peserta Forum Ekonomi Jeddah, 2004 hari ini.

Teks ucapan Dr Mahathir bertajuk "Satu resipi dari Malaysia untuk Pertumbuhan: Wawasan 2020" diperoleh Bernama di sini.

Dr Mahathir yang yakin dengan resipi kemajuan adalah dengan membebaskan diri daripada halangan pemikiran, dan kita boleh lakukan apa yang orang lain boleh buat, berkata umat Islam mesti bersedia dan cuba melakukan sesuatu berulang-ulang kali sehingga berjaya.

Sambil menolak tanggapan bahawa sebuah negara Islam tidak boleh ditadbir dengan baik dan maju, beliau berkata tamadun Islam adalah lebih hebat daripada tamadun lain dalam sejarah kehidupan manusia.

Bercakap panjang lebar mengenai kejayaan pembangunan Malaysia serta yakin dengan "cuba dan cuba hingga berjaya", Dr Mahathir berkata keyakinan penting bagi menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang.

Sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai cita-cita besar untuk menjadi negara maju menjelang 2020, beliau berkata rakyat Malaysia perlu bekerja keras untuk mencapai hasrat itu dan berupaya berfikir, bertindak dan memberi reaksi bagi mengatasi halangan.

Dr Mahathir yang melepaskan jawatan pada 31 Okt lepas berkata Malaysia yang mempunyai penduduk pelbagai kaum, mengamalkan sikap bertoleransi

terhadap kaum dan agama lain.

Menyelaraskan kesemua perbezaan ini merupakan masalah besar, kerana jika gagal berbuat demikian, ia akan menyebabkan berlaku ketiakadilan dan menjejaskan pembangunan, katanya.

Sambil berkata bahawa pemerintahan Islam mesti dilihat adil dan saksama, terutama dalam menguatkuasakan undang-undang negara, Dr Mahathir berkata setiap orang perlu merasakan dia mendapat layanan adil dan saksama, merasa selamat dalam menjalankan urusan harian dan menyumbang kepada ekonomi negara.

"Oleh itu kita tidak mahu melihat umat Islam yang tinggal di negara bukan Islam dilayani secara tidak adil, kami di Malaysia tidak mahu melihat orang bukan Islam tidak dilayani dengan adil. Keadilan dan kesaksamaan kerajaan Malaysia tidak bercanggah dengan ajaran Islam," katanya.

-- BERNAMA

HS KHY LAT